

**Dasar Luar Amerika Terhadap Negara Islam Sukar Diubah, Kata Ahli Akademik Amerika
Bernama
18 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Seorang ahli akademik Amerika Syarikat pada Rabu berkata bahawa dasar luar negaranya terhadap negara-negara Islam tidak akan berubah selagi wujud pengaruh Israel dalam sistem politik negara itu.

Prof Emeritus Dr W.Scott Thompson berkata untuk beberapa tahun perbincangan mengenai isu-isu membabitkan Islam boleh diadakan secara rasional di negara itu tetapi menjadi semakin sukar dengan campur tangan Israel.

Beliau adalah dari Sekolah Undang-Undang dan Diplomasi, Universiti Tufts, Boston, Amerika Syarikat.

Beliau juga berkata 64 peratus calon-calon parti Demokrat pada pilihan raya kebangsaan menerima sumbangan wang tunai secara langsung untuk berkempen dari banyak pertubuhan dan kumpulan berkaitan Yahudi, sambil menjelaskan ramai tidak sedar mengenai perkara itu.

"Kita tidak boleh menjangka hubungan Islam-Amerika yang sihat sehingga Amerika mengambil langkah pertama dan menunjukkan ia tidak boleh diarah-arahkan oleh pelobi dalaman," katanya semasa menyampaikan ceramah berjudul "Amerika Syarikat dan Dunia Islam: Merangka Masa Depan Yang Mapan" pada Persidangan Antarabangsa pergerakan Moderat Global (ICGMM) di sini pada Rabu.

Berikutan pembiayaan itu, Dr Thompson mendakwa penyokong Israel telah mempengaruhi agenda politik calon-calon dengan menjangkakan mereka bersuara dengan pandangan ekstrem yang tidak setanding dengan kepentingan rakyat Amerika serta tidak mencerminkan sikap majoriti rakyat.

Sambil melahirkan keyakinannya bahawa Presiden Barack Obama akan dipilih semula kerana sokongan padu komuniti Afrika-Amerika, Dr Thompson berkata dunia khususnya komuniti Islam boleh mengharapkan dasar luar yang lebih realistik selepas pemilihan presiden November ini.

Bagi memupuk sikap masyarakat Islam yang lebih positif terhadap Amerika Syarikat, beliau berkata sudah tiba masa untuk Amerika Syarikat menghormati kepercayaan dan pegangan masyarakat Islam.

Bagaimanapun, katanya: "Sekiranya orang mempunyai pandangan masing-masing yang kukuh maka kita perlu bersabar dan tidak memprovokasi mereka."

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640872>